

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.10.2024 MASA: 11.20AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KAYUHAN BASIKAL
SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-75
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2024**

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD
FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 OKTOBER 2024 (AHAD)
7.30 PAGI**

BUKIT JAWI GOLF RESORT

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini dalam **Program Kayuhan Basikal Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-75, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2024.**
2. Saya dan semua warga kerja MBSP serta rakyat Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran mengucapkan Selamat Hari Lahir yang ke-75 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang.
3. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato'

Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis pada pagi ini.

4. Program Kayuhan Basikal Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dianjurkan setiap tahun secara bergilir antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Pada tahun ini, MBSP diberi penghormatan sebagai penganjur bagi Program Kayuhan Basikal ini.
5. Memandangkan program ini diadakan di Seberang Perai Selatan, sebahagian besar jemputan telah disasarkan kepada Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan di sekitar Seberang Perai Selatan. Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada semua Jabatan dan Agensi yang dijemput. Program pada hari ini telah dimulakan dengan aktiviti kayuhan basikal sejauh 21.188km bermula di Bukit Jawi Golf Resort, melalui Jalan Paya Kemian, Kampung Sungai Kechil, Kampung Besar, Kampung Sungai Buaya, Kampung Keda (KEDAH), Sungai Duri, Kampung Changkat Dain, Kampung Ladang Sempah dan tamat di Jawi Golf Resort. Kayuhan basikal ini disertai sendiri oleh Tuan Yang Terutama dan diiringi oleh Dif-Dif Kehormat dan 130 peserta kayuhan basikal yang terdiri daripada MBSP serta Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi yang dijemput.

Syukur Alhamdulillah, para “cyclist” yang di “flag-off” pada pukul 9.00 pagi telah berjaya menamatkan kayuhan pada jam 10.45 pagi.

6. Sempena program yang bermakna pada hari ini dan sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan MBSP dalam membantu golongan yang memerlukan, MBSP akan memberikan sumbangan ‘Gerobok Rezeki’ yang mengandungi keperluan asas dengan nilai RM100.00 setiap satu kepada 100 penerima yang kurang berkemampuan. Penerima sumbangan ini adalah terdiri daripada 50 orang Wira Oren MBSP dan 50 orang penduduk sekitar Seberang Perai Selatan. Namun demikian, pada hari ini, sumbangan akan disampaikan kepada 10 penerima terpilih sahaja, iaitu lima (5) orang Wira Oren MBSP dan lima (5) orang daripada kalangan penduduk Seberang Perai Selatan.
7. Sumbangan ini adalah hasil kerjasama erat antara MBSP dan Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang, di mana separuh daripada sumbangan ini disumbangkan oleh Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang atas sumbangan serta sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan usaha murni ini.
8. Selain itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Bukit Jawi Golf Resort atas kesudian

menyediakan lokasi, sajian makanan yang menyelerakan serta segala keperluan sepanjang program berlangsung pada hari ini.

9. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak Penjara Seberang Perai, Sungai Jawi atas kesudian memberikan kebenaran untuk menggunakan kawasan Pusat Sumber / Galeri Produk Penjara Seberang Perai sebagai *Water Station / Pit Stop*, serta atas penyediaan kelengkapan yang diperlukan.
10. Tidak dilupakan juga kepada semua pegawai dan kakitangan dari Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi luar, MBSP serta kepada semua yang hadir bagi menjayakan program ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada urusetia yang telah bertungkus-lumus memastikan program Kayuhan Basikal Sempena Hari Ulang Tahun Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang berjalan dengan lancar dan penuh kejayaan.
11. Di kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Lahir Yang ke-75 kepada Tuan Yang Terutama Tun, kami semua mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah S.W.T. dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera untuk terus menjadi tonggak utama Negeri Pulau Pinang. Semoga Negeri Pulau Pinang terus maju dan sejahtera di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun.

12. Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih juga kepada Dif-Dif Kehormat; dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha MBSP.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***